

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 26 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0022
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan susulan daripada cadangan AirAsia untuk memindahkan semula operasinya ke Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan perancangan AirAsia untuk memulakan penerbangan dari Kota Kinabalu ke India, China, Jepun, Korea dan Australia. Apakah pendirian Kerajaan dalam perkara ini.

2. PR-1411-MQT0026
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini pelaksanaan Digital Free Trade Zone (DFTZ) yang dilancarkan pada tahun 2017 dan apakah pendirian Kerajaan dalam meneruskan usaha DFTZ mewujudkan 60,000 peluang pekerjaan khususnya kepada golongan muda yang juga akan meningkatkan nilai eksport produk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) kepada RM160.95 bilion menjelang 2025.

3. PR-1411-MQT0033
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian merancang lagi pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi golongan miskin di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun akan datang.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 26 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L01222
Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan meningkatkan keselamatan makanan negara.

2. PR-1411-L00580
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa akan dimulakan dan apakah cadangan untuk menangani kesesakan di lapangan terbang tersebut sebelum projek ini siap.

3. PR-1411-L00694
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan tentang peruntukan yang telah disalurkan bagi membantu menyelesaikan masalah keperluan asas seperti bekalan air terawat dan sistem paip bekalan air.

4. PR-1411-L00639
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah jaminan serta komitmen Kementerian bahawa perumahan PR1MA akan diteruskan pembinaannya atau adakah terdapat mekanisme baru yang akan diwujudkan.

5. PR-1411-L00680
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan rancangan untuk menggalakkan para majikan agar memilih untuk mengupah warganegara daripada mengupah pekerja asing, seperti menangani masalah dari segi kos pengupahan dan hak pekerja.
6. PR-1411-L00961
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana keperluan pelantikan YB Permatang Pauh sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal (TVET). Apakah peranan dan sumbangan yang dapat diberikan.
7. PR-1411-L00340
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tarikh persiapan Lebuh Raya Pinggiran Pantai Barat yang telah dijanjikan dan adakah tarikh persiapan tersebut akan tercapai serta jumlah kos yang terlibat.
8. PR-1411-L00048
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah dasar atau program baru untuk menggalak dan meningkatkan pelancongan ke Malaysia, khususnya ke Sarawak.
9. PR-1411-L00173
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini bank tanah PERDA Pulau Pinang dan apakah projek-projek pembangunan yang dirancang dan telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2008-2018 untuk manfaat masyarakat bumiputera negeri Pulau Pinang.
10. PR-1411-L01172
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah status pelaksanaan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang berupaya meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan menganggur sama ada ia akan diteruskan atau tidak.

11. PR-1411-L00186
Tuan Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status pelaksanaan inisiatif jalur lebar dan jalur lebar berkelajuan tinggi (High Speed Broadband Services) di seluruh negara dan di Sarawak khususnya, sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2010 lalu.

12. PR-1411-L00627
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan 10 sebab utama mengapa harga kebanyakan barangan keperluan rakyat tidak turun atau semakin meningkat. Nyatakan bagaimanakah Kerajaan boleh menyelesaikan 10 sebab itu. Berikan anggaran masa ianya dapat diselesaikan.

13. PR-1411-L01291
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu "*moratorium*" untuk kes-kes hukuman mati sekiranya Kerajaan memutuskan untuk menghapuskan "*abolish*" hukuman mati.

14. PR-1411-L00162
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca penjualan saham di Bursa Malaysia semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Apakah tindakan Kerajaan untuk menarik pelabur terus membeli saham di Bursa Malaysia serta menyekat aliran keluar dana berterusan.

15. PR-1411-L01232
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan lapangan terbang di Seri Iskandar seperti yang dirancang oleh Kerajaan sebelum ini.

16. PR-1411-L00240
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana tindakan Kementerian dalam menghapuskan monopoli syarikat swasta seperti ASTRO di dalam sektor penyiaran dan membuka ruang kepada syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan sama.

17. PR-1411-L00492
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan 5 "flyover" mengikut projek Pan Borneo Highway di Kuching iaitu di Batu 4, Batu 6, Batu 7, Batu 9 serta Batu 10. Nyatakan jangka masa siap, pelan terkini, syarikat-syarikat yang terlibat dan peranan setiap syarikat tersebut termasuk jumlah yang akan dibayar mengikut kontrak.

18. PR-1411-L01302
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pelan menaikkan taraf jalan raya utama di Sibu, contohnya, jalan raya dari bandar ke lapangan terbang Sibu memandangkan keadaan jalan raya tersebut sentiasa buruk. Adakah apa-apa projek untuk pembinaan jalan raya baru di Sibu bagi mengatasi kesesakan lalu lintas yang semakin serius.

19. PR-1411-L00078
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang dikenakan terhadap peniaga yang didapati ingkar menurunkan harga barang setelah GST sudah dikadarsifarkan dan adakah terdapat sebarang pemantauan berkala yang dilakukan untuk memastikan kesalahan yang sama tidak diulangi.

20. PR-1411-L00743
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kes yang melibatkan perkara di bawah Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa tidak ada pengguna yang tidak bersalah dihukum dengan tindakan pemotongan elektrik di bawah Seksyen 38.

21. PR-1411-L00306
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan pelan dan kerangka pelaksanaan TVET untuk melahirkan pekerja mahir dapat dicapai.

22. PR-1411-L00865
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian komited untuk meningkatkan peruntukan bagi hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara, termasuk bagi Pusat Perubatan Universiti Malaya di Lembah Pantai.

23. PR-1411-L00290
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan semua kaum dan lapisan masyarakat sementara memelihara hak ibu bapa untuk memilih.
24. PR-1411-L00546
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan di negara ini.
25. PR-1411-L01121
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkembangan dasar hubungan diplomatik di antara Kerajaan Malaysia dengan Korea Utara dan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan hubungan diplomatik dan dagangan dengan negara tersebut berikutan ketegangan yang berlaku sebelum ini.
26. PR-1411-L01177
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Pusat untuk menjadikan Sungai Batu sebagai satu tarikan pelancongan utama di negara ini dan adakah Kerajaan Pusat komited bagi mendapatkan pengiktirafan UNESCO untuk seluruh kawasan Lembah Bujang menjadi Warisan Dunia.
27. PR-1411-L00201
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs), jumlah pegangan saham, aktiviti, prestasi urusan dagangan, nama barisan pengarah dan elaun yang dibayar serta apakah tindakan menukar pengarah lantikan politik.
28. PR-1411-L00469
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan perancangan untuk membina Mass Rapid Transit Ketiga.

29. PR-1411-L01334
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani isu pendatang asing tanpa izin di Sabah termasuk mereka yang diberi kad pengenalan dan kerakyatan Malaysia tidak sah tanpa mengikut undang-undang dan mereka yang tidak layak tetapi telah dimasukkan dan disenaraikan sebagai pemilih dalam daftar pemilih oleh Suruhanjaya Pilihanraya seperti yang disahkan dalam Laporan RCI mengenai pendatang asing di Sabah.
30. PR-1411-L00245
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kesan kepada universiti awam apabila pengajian tinggi diberikan percuma.
31. PR-1411-L01246
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai individu kaum India yang tidak memiliki kad pengenalan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Nyatakan bilangan pemegang kad pengenalan merah yang bukan dari kalangan penduduk asal Malaysia.
32. PR-1411-L01072
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan janji pemansuhan tol lebuhraya sepertimana yang terkandung di dalam manifesto Pakatan Harapan.
33. PR-1411-L00518
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan melaksanakan 'Parliamentary Reform' dengan salah satunya memberi lebih banyak ruang kepada pihak pembangkang membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Persendirian seperti RUU Persendirian Pindaan Akta 355 sebelum ini.
34. PR-1411-L00027
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kajian semula jawatankuasa khas yang menangani undang-undang keselamatan yang bertentangan dengan hak asasi manusia dan tempoh masa yang diperlukan untuk semakan dan pemansuhan undang-undang ini.

35. PR-1411-L00740
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini berkaitan isu tuntutan agar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dibuka kepada golongan bukan Bumiputera.
36. PR-1411-L00565
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan tanah sawah padi di kawasan Parlimen Tenom, terutama di Pulong dan Jawa Sumbiling diusahakan dua kali setahun bagi pengeluaran beras keperluan negeri Sabah.
37. PR-1411-L00711
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status perkhidmatan pensyarah di Institut Pendidikan Guru yang bekerja daripada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang tetapi hanya layak mengambil Cuti Rehat Khas (CRK) selama 10 hari setahun yang bertentangan dengan pekeliling perkhidmatan yang sedia ada sedangkan sepatutnya mereka layak mendapat cuti tahunan sebanyak 35 hari setahun.
38. PR-1411-L00166
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa ramai pelajar gagal diambil masuk dalam program matrikulasi atau asasi IPTA walaupun telah mencapai keputusan yang cemerlang.
39. PR-1411-L00933
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jaminan Bahasa Melayu kekal sebagai Bahasa Kebangsaan yang tunggal dan akan terus dimartabatkan di bawah Kerajaan baharu khususnya di kalangan barisan Menteri dalam Kerajaan Persekutuan masa kini.
40. PR-1411-L00033
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komponen-komponen lain dari Perjanjian Malaysia 1963 yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi mematuhi Perjanjian Malaysia 1963, agar menghormati hak autonomi Sabah dan Sarawak.
41. PR-1411-L00059
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pembinaan landasan kapal terbang baru dapat dibina di Pulau Tioman, Pahang dan berapakah kosnya.

42. PR-1411-L00005
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengaji semula Belanjawan 2018 yang telah dibentangkan oleh Kerajaan lama sedangkan satu Kerajaan baru telah terbentuk selepas PRU 14.
43. PR-1411-L00701
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan status Majlis Sukan Labuan sama ada bertaraf negeri atau daerah dan dari manakah sumber peruntukan boleh diperolehi untuk pentadbiran dan pembangunan sukan Labuan.
44. PR-1411-L00989
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memperkenalkan semula pengambilan guru-guru untuk subjek agama seperti program J-Qaf yang pernah dilaksanakan satu ketika dahulu.
45. PR-1411-L00483
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan kedudukan dan perkembangan pelaksanaan menaik taraf Jalan Ulu Skrang, Lubok Antu sepanjang 50km.
46. PR-1411-L01053
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar KWSP mengalami kerugian lebih RM6 bilion selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran daripada UMNO/BN.
47. PR-1411-L00553
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status penyiasatan PDRM terhadap kes kehilangan berprofil tinggi beberapa orang termasuk Amri Che Mat dan Raymond Koh. Apakah kes orang yang hilang ini dapat diselesaikan.
48. PR-1411-L01182
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan menarik diri daripada semakan keputusan "*International Court of Justice*" (ICJ) berhubung isu tuntutan Pulau Batu Puteh memandangkan terdapat keterangan baharu sebagaimana dinyatakan oleh Jabatan Peguam Negara sebelum ini yang boleh mempengaruhi keputusan terdahulu ICJ.

49. PR-1411-L00336
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah dan strategi yang akan diambil oleh Kerajaan dan pihak polis untuk mengatasi masalah kedai dan mesin perjudian haram.
50. PR-1411-L00869
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah dibuat untuk membela dan menyokong pusat-pusat tahfiz dan pusat pendidikan agama tradisi seperti sekolah pondok, memandangkan suasana semasa yang mendesak supaya peruntukan dikurangkan, malah ada yang mencadangkan ianya dimansuhkan.
51. PR-1411-L00793
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab keperluan pemindahan Program Pelancongan dan Pengembaraan (SPL) Kolej Komuniti Sungai Siput ke Kolej Komuniti Cawangan Lenggong. Difahamkan cawangan ini diwujudkan semata-mata atas permintaan Ahli Parlimen Lenggong ketika itu khususnya untuk satu program ini yang menelan kos yang tinggi.
52. PR-1411-L00378
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada projek pembinaan 10 buah sekolah SJK(C) baharu dan 6 buah SJK(C) yang berpindah ke kawasan kepadatan penduduk tinggi yang diluluskan KPM pada 26-10-2017 dapat dilaksanakan. Berapakah peruntukan yang akan disalurkan kepada 16 buah sekolah tersebut.
53. PR-1411-L00515
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kecurian memasuki bangunan sarang burung di seluruh negara untuk tahun-tahun 2013 hingga 2018 mengikut jumlah kes bagi setiap negeri. Nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi kes kecurian sarang burung yang berleluasa baru-baru ini.
54. PR-1411-L01289
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan kini berniat untuk menghapuskan undang-undang zalim seperti Akta Hasutan, 1948 dan sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

55. PR-1411-L00119
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap tuntutan sesetengah pihak yang inginkan kelonggaran untuk golongan bukan Bumiputera diterima masuk ke Universiti Teknologi Mara (UiTM).
56. PR-1411-L00258
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah keuntungan yang diperoleh hasil tayangan perdana "*World Cup 2018*" akan diumumkan kepada umum dan ke manakah hasil keuntungan tersebut akan disalurkan.
57. PR-1411-L00952
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tarikh spesifik pembinaan SJKT Sungai Bakap, nombor lot tanah, kontraktor yang diberikan tender untuk membina sekolah dan jumlah peruntukan untuk membina sekolah baru ini memandangkan sekolah tersebut sangat uzur dan ditangguhkan pembinaannya oleh Kerajaan sebelum ini.
58. PR-1411-L00754
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian masih mengguna pakai hukuman gantung sekolah kepada pelajar bermasalah seperti buli, gangsterisme, ponteng sekolah dan adakah terdapat kaedah lain untuk menghukum pelajar tersebut dari mengelak mereka digantung sekolah agar mereka tetap meneruskan pembelajaran.
59. PR-1411-L01309
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya seseorang peminjam pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak pernah dinaikkan gajinya ke atas paras RM4,000 sebulan, adakah ini bermaksud dia tidak perlu membayar balik pinjamannya buat seumur hidup.
60. PR-1411-L01098
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian Dalam Negeri ada kriteria tertentu untuk membantu pegawai-pegawai kanan semasa mereka memproses permohonan untuk mendapatkan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan.

61. PR-1411-L01323
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mempercepat pelaksanaan bekalan elektrik, air dan jalan-jalan kampung di kawasan luar bandar dan bilakah jangka masa kemudahan tersebut dapat dinikmati sepenuhnya oleh rakyat yang memerlukan.
62. PR-1411-L01193
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tahap penguatkuasaan dan pematuhan dasar dan peraturan dalam pelaksanaan projek pembangunan contohnya aspek perparitan bagi mengurangkan kesan bencana alam seperti banjir kilat atau tanah runtuh.
63. PR-1411-L00069
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berhubung dengan hal ehwal kewangan Kerajaan:-
(a) sama ada perakaunan akruan akan diterima pakai; dan
(b) jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan.
64. PR-1411-L01025
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah insentif-insentif bagi menggalakkan pengambilan OKU bekerja atau OKU yang bekerja sendiri.
65. PR-1411-L00382
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) boleh mempertimbangkan untuk mengenakan lesen kenderaan motor (cukai jalan) berdasarkan berat kenderaan berbanding berdasarkan jenis enjin seperti pelaksanaan sekarang.
66. PR-1411-L00882
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status projek Pembinaan BRT di Bandaraya Kota Kinabalu yang terkini. Adakah Kerajaan Persekutuan akan teruskan projek ini memandangkan sistem pengangkutan awam di Kota Kinabalu adalah amat diperlukan.

67. PR-1411-L00686

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) menaik taraf sistem komunikasi (*internet dan mobile network*) di kawasan pesisir pantai seperti kawasan Asajaya dan kawasan Jalan Ensengei di daerah Serian ; dan

- (b) berapakah bilangan kampung di kawasan Parlimen Kota Samarahan tersenarai dalam kampung tanpa wayar. Apakah kapasiti capaian bagi setiap kampung tanpa wayar dan pelan Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti capaian internet tersebut .

68. PR-1411-L01409

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan baharu Pakatan Harapan berhasrat untuk mewujudkan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di peringkat sekolah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula Perbahasan atas masalah (25 Julai, 2018)

2. PR-1411-U(27)003

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

3. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

4. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

5. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

7. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. PR-1411-U(27)009
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."
[Menteri Pengangkutan]
9. PR-1411-U(27)001
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."
[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]
10. PR-1411-U(27)002
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 26.07.2018 (Khamis)	1. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	1. Isu Kemalangan Maut Di Jalan Batu Pahat-Ayer Hitam- Kluang (FT050) Akibat Kegagalan JKR Mendapat Peruntukan Daripada EPU Untuk Projek Berkaitan	1. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**